

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS APRESIASI KONTINJEN STAF UiTM
CAWANGAN SELANGOR SEMPENA KARNIVAL
SUKAN STAF UiTM (KARiSTA) 2025**

**13 OKTOBER 2025 | ISNIN | 3.30 PTG
DEWAN SERBAGUNA RAFLESIA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih pengerusi majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBIL ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)

YBrs. Profesor Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah
Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti, Alumni
dan Keusahawanan (ICARE), Menjalankan Tugas
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Encik Mohd Nor Aidil Hj Abdul Latif
Menjalankan Tugas Ketua Unit Sukan

Barisan Pengurusan UiTM Cawangan Selangor

Yang diraikan, Atlet-atlet Kontinjen Staf UiTM
Cawangan Selangor

Seterusnya, tuan-tuan, puan-puan para hadirin
sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita diberi kesihatan dan kesempatan untuk berkumpul bagi **Majlis Apresiasi Kontinjen Staf UiTM Cawangan Selangor Sempena Karnival Sukan Staf UiTM (Karista) 2025.**
2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak **Unit Sukan** atas penganjuran majlis ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Umum telah mengetahui bahawa Kontinjen UiTM Cawangan Selangor telah dinobatkan sebagai **Juara Keseluruhan dalam Karnival Sukan Staf UiTM (KARISTA) 2025** yang telah berlangsung pada 24 hingga 30 Ogos 2025 di UiTM Cawangan Perlis.
4. Saya yakin, kejayaan ini adalah hasil daripada usaha gigih, semangat juang yang tinggi, dan kerjasama erat antara atlet, jurulatih serta sokongan padu daripada seluruh warga UiTM Cawangan Selangor.
5. Kejayaan ini membuktikan bahawa kecemerlangan kita tidak terbatas kepada akademik dan pengurusan semata-mata, tetapi turut merangkumi sukan dan kecergasan staf.
6. Justeru, melalui majlis apresiasi ini, saya dan pihak

pengurusan menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah berkorban masa, tenaga dan komitmen demi kejayaan kontinjen kita.

7. Anda semua adalah wira dan wirawati yang telah mengharumkan nama UiTM Cawangan Selangor di peringkat nasional.
8. Saya berharap kejayaan ini tidak membuatkan kita merasa selesa, sebaliknya menjadi pembakar semangat untuk terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.
9. Akhir kata, tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kontinjen UiTM Cawangan Selangor atas dedikasi, semangat berpasukan, dan kejayaan yang telah diraih.
10. Semoga Allah merahmati setiap langkah dan

usaha yang telah anda semua curahkan dalam
mengharumkan nama UiTM Cawangan Selangor.

Semangat sukan membara di jiwa,
Langkah diatur seiring bersama;
Kejayaan di KARiSTA sungguh bermakna,
Menjadi kebanggaan seluruh warga.

Sekian,

**Wabillahitaufiq walhidayah, Wassalamualaikum
warahmatullahi**